



NASIONAL

KES

POLITIK

PENDIDIKAN

WILAYAH

Hak Perdana Menteri tentukan Kabinet

[Mohd Iskandar Ibrahim](#) - Ogos 22, 2021 @ 12:29pm

mohd_iskandar@bh.com.my



Urusan pelantikan Jemaah Menteri ditentukan Perdana Menteri - Hishammuddin. FOTO NSTP

KUALA LUMPUR: Pembentukan anggota Jemaah Menteri baharu bagi menjalankan urusan dan pentadbiran kerajaan adalah hak eksklusif Perdana Menteri.

Bendahari Agung Barisan Nasional (BN), Datuk Seri Hishammuddin Hussein menegaskan urusan pelantikan anggota Jemaah Menteri yang baharu akan ditentukan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

"Hak Perdana Menteri untuk menentukan Kabinetnya," kata Ahli Parlimen Sembrong yang juga bekas Menteri Kanan Luar Negeri itu ringkas kepada BH, hari ini.

Hishammuddin mengulas pembentukan Kabinet baharu Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob sama ada perlu mengekalkan beberapa menteri dilantik Tan Sri Muhyiddin Yassin sebelum ini atau sebaliknya.

TERKINI

PILIHAN PEMBACA

- 5m  [Mayat mangsa kelima kepala air ditemui sempurna, bersih](#)
- 10m  [Sekurang-kurang 16 maut banjir di Tennessee](#)
- 27m  [Sejam di pejabat sebelum lawat kawasan banjir di Kedah](#)
- 30m  [Vinicius selamatkan mata buat Real](#)
- 49m  [Mangsa kepala air terima faedah PERKESO](#)
- 1h  [Mangsa banjir di Perak meningkat](#)
- 1h  [Ismail Sabri mula tugas secara rasmi sebagai Perdana Menteri](#)
- 1h  ['Jangan jadikan bola sepak seperti ragbi'](#)

DISYORKAN UNTUK ANDA

- [Ismail Sabri berada di Bangunan Perdana Putra](#)
- [Pelantikan Ismail Sabri dapat henti kemelut politik](#)
- [31 menteri Kabinet angkat sumpah jawatan](#)
- ['Terima kasih semua'](#)

Penganalisis dan pemerhati politik sebelum ini mengesyorkan supaya beberapa pemimpin ditampilkan kembali menganggotai Jemaah Menteri di atas prestasi mereka mengemudi kementerian masing-masing ketika era pentadbiran Muhyiddin.

Mereka mencadangkan beberapa menteri Kabinet terdahulu dikekalkan seperti Hishammuddin dan bekas Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi yang juga Ahli Parlimen Rembau, Khairy Jamaluddin serta bekas Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz.

Hishammuddin, Khairy dan Tengku Zafrul antara menteri yang dilihat memiliki prestasi baik apabila banyak negara luar tampil membantu Malaysia dengan menyumbangkan bekalan vaksin serta peralatan perubatan untuk menangani pandemik COVID-19.

Semalam, Ismail Sabri mengangkat sumpah jawatan Perdana Menteri kesembilan di hadapan Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah di Istana Negara.

Al-Sultan Abdullah memberi perkenan pelantikan Ismail Sabri sebagai Perdana Menteri kesembilan selaras Perkara 40(2)(a) dan Perkara 43(2)(a) Perlembagaan Persekutuan.

Ia susulan peletakan jawatan Muhyiddin selepas Ahli Parlimen Pagoh itu hilang majoriti sokongan Ahli Parlimen dan cadangan kerjasama bipartisan yang dicadangkannya juga tidak mendapat sokongan parti politik.


BERITA BERKAITAN



NASIONAL Ogs 22, 2021 @ 4:25pm
KSU wajar diberi kuasa terajui kementerian kurang kritikal



NASIONAL Ogs 21, 2021 @ 5:17pm
Kabinet baharu perlu miliki watak politik nasional



VAKSIN



ASEAN Ogs 21, 2021 @ 11:08am

China serah lagi vaksin Sinovac kepada Filipina




ASIA Ogs 21, 2021 @ 7:26am

India lulus guna vaksin buatan tempatan



NASIONAL Ogs 20, 2021 @ 10:35am

Malaysia terima vaksin satu dos CanSino



NASIONAL Ogs 20, 2021 @ 10:06am

Johor sasar 100 peratus lengkap divaksin Oktober ini



ASEAN Ogs 19, 2021 @ 1:32pm

Vaksin Indonesia sedia diuji secara klinikal ke atas manusia



EROPAH Ogs 19, 2021 @ 12:41pm

Keberkesanan vaksin terhadap Delta semakin hilang - Kajian

TRENDING



KORPORAT 2 jam yang lepas

Serba Dinamik saman KLSE Screener




SELEBRITI 10 jam yang lepas

Ibu Syamel meninggal dunia



NASIONAL 11 jam yang lepas

Tengku Zafrul ingin luang masa bersama keluarga



NASIONAL 12 jam yang lepas

Terus patuh SOP elak dijangkiti varian Delta



NASIONAL Ogs 22, 2021 @ 4:01pm

Mangsa terselamat tragedi kepala air kongsi pengalaman

MYRESIPI



INFOMASI Ogs 20, 2021 @ 2:45pm

Resipi Tteokbokki Macam Dalam K-Drama, Rasa Pedas Manis Yang Sedap!



NASIONAL Ogs 22, 2021 @ 3:29pm
Ismail Sabri luang masa 4 jam di pejabatnya hari ini



NASIONAL Ogs 21, 2021 @ 2:38pm
Ismail Sabri angkat sumpah jawatan Perdana Menteri ke-9




RESIPI Ogs 20, 2021 @ 12:14pm
Hanya Guna Kulit Paratha Segera, Mudahnya Nak Buat Portuguese Egg Tart!



RESIPI Ogs 20, 2021 @ 10:39am
Resipi Sotong Rebus Serai Paling Mudah & Sedap, Sekejap Je Dah Siap Buat!



TIPS & PETUA Ogs 19, 2021 @ 2:59pm
Petua Supaya Nasi Lambat Basi, Hanya Letak Satu 'Bahan' Ini Semasa Ditanak



INFOMASI Ogs 19, 2021 @ 12:48pm
Jarang Dibuat Orang, Ini Dia Resipi 'Creamy Butter Tuscan Salmon' Yang Lazat




Ismail Sabri named Malaysia PM, putting...
Nikkei Asia



The Cost of Dental Implants in Malaysia in 202...
Dental Implants | Searc...



Obama's Mansion Amazes Everyone
Mansion Global



Singapore: The Cost of Funeral Services in 2021...
Funeral Services | Sear...



Shah Alam: Liquidation Of Unsold 2020...
SUV Deals | Search Ads



Here Is What Full Mouth Dental Implants Should...
Dental Implants | Searc...



Can UMNO and Barisan Nasional return to...
CNA - Insight



Sekiranya anda mengalami sakit di pinggul dan...
asiastory.news

OHBULAN



VIDEO ZIARAH KUBUR 20 minit yang lepas
Shuib Maafkan Aisar Khaled, Doa Agar Jadi Youtuber Berjaya – 'Kena Ingat...



SANGKAR 21 minit yang lepas
Ramai Peminat Wanita Patah Hati, Remy Ishak Minta Maaf – 'Terima Kasih Semua...



KINI TRENDING 3 jam yang lepas
Selepas Hampir Sebulan 'Ditidurkan', Ibu Syamel Meninggal Dunia



ISU & KONTROVERSI Ogs 22, 2021 @ 3:06pm
Mengaku Terlalu Emosi 'Rindu' Nak Main Bola, Syafiq Ahmad Mohon Maaf



KINI TRENDING Ogs 22, 2021 @ 1:08pm
Pemain JDT Tweet 'Teringin' Nak Main Bola, Ini Teguran TMJ – 'Siapa Kerja...

SIRAPLIMAU



MERDEKA NORMA BAHARU Ogs 21, 2021 @ 9:16pm
Suntik Semangat Patriotik, Ini 7 Aktiviti Sempena Hari Merdeka Untuk Anak




TIPS PILIH IKAN PARI Ogs 21, 2021 @ 11:11am
Kenapa Ikan Pari Bau Hancing? Ini Tips Penting Supaya Tak Salah Pilih



RAKYAT Ogs 20, 2021 @ 6:58pm
Lahirkan Bayi Kembar Tiga, Ibu Reda Hanya Dua Sahaja Dapat Diselamatkan..



DAPUR Ogs 20, 2021 @ 1:47pm
Ini Resepi Pani Puri 'Street Food' India Macam Dalam Filem Bollywood!



DIY & KRAF Ogs 20, 2021 @ 11:35am
Rumah Sempit Tak Ada Ruang Sidai



Baju? Tak Payah Pening, Guna Cara Ni!



IKUTI KAMI DI:



BERITA

[BHPLUS](#)

[Nasional](#)

[Kes](#)

[Politik](#)

[Pendidikan](#)

[Wilayah](#)

SUKAN

[DUNIA](#)

[HIBURAN](#)

[BISNES](#)

[RENCANA](#)

[WANITA](#)

[HUJUNG MINGGU](#)

MULTIMEDIA

[Foto](#)

[BHTV](#)

[Infografik](#)

LANGGAN

[Akhbar Digital](#)

[Akhbar BH](#)

PERKHIDMATAN

[Iklan Web](#)

[1Klassifieds](#)

[NSTP KLiK](#)